

Bidang perkapalan antarabangsa

Mahathir mahu rakyat libatkan diri

ULSAN, Korea Selatan 28 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu lebih rarnai rakyat Malaysia melibatkan diri dalam bidang perkapalan antarabangsa dan 'tidak hanya terhad kepada sektor domestik sahaja.

Perdana Menteri berkata pengusaha perkapalan secara domestik ini harus menganggap penglibatan mereka sebagai satu pendidikan bagi menyertai arena persaingan perkapalan antarabangsa.

Untuk mencapai matlamat ini, tambah beliau syarikat - syarikat perkapalan domestik yang kecil harus menimbang untuk menyatukan pemiagaan mereka atau menubuhkan konsortium dengan syarikat perkapalan lain sama ada tempatan atau luar negara.

Berucap di majlis menamakan kapal Bunga Pelangi oleh Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah di sini pagi ini beliau menegaskan bahawa tidak ada sebab kenapa rakyat Malaysia tidak boleh berjaya dalam bidang perkapalan.

Secara tradisinya, Malaysia mempunyai pengalaman selain daripada memiliki kelengkapan latihan yang mampu menghasilkan pelaut yang terlatih dan memenuhi tahap yang ditetapkan oleh pertubuhan maritim antarabangsa.

Selain daripada itu, tambahnya, Malaysia juga menyedari pentingnya kemajuan perindustrian ditampung dengan pertumbuhan sektor pengangkutan terutamanya perkhidmatan perkapalan.

Ini penting kerana kecekapan pengangkutan dan penghantaran eksport negara menjadi lebih ekonomikal dan dengan itu barangan eksport juga mampu bersaing.

Di Malaysia, kata Perdana Menteri, adalah jelas perkhidmatan perkapalan tidak nampak berkembang berbanding dengan kemajuan industri dan hubungan perdagangan.

Oleh kerana itu Malaysia terus bergantung kepada perkapalan antarabangsa untuk mengangkut barangan siap dan lain - lain lagi.

"Walaupun keadaan ini boleh difahami terutamanya bagi sebuah negara membangun seperti Malaysia di mana perkapalan antarabangsa begitu tinggi persaingannya dan memerlukan modal yang besar tetapi langkah - langkah tertentu perlu diadakan untuk mengatasi keadaan itu.

"Kalau langkah itu tidak diadakan, ia akan mengurangkan sebahagian besar keuntungan dari kemajuan industri dan eksport," tegasnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir yakin Malaysia mampu meningkatkan kemahiran membina kapal dan dalam konteks ini pemilikan MSE oleh konsortium yang diketuai oleh MSE merupakan satu kemajuan yang signifikan.

Penglibatan MISC dalam kerja - kerja membina dan membaiki kapal adalah satu kemajuan dalam usahanya mempelbagaikan operasi dan Perdana Menteri yakin MSE di bawah pengurusan baru dan memiliki kelengkapan membaiki yang terbaik di rantau ini boleh menjadi perbadanan membina kapal yang besar.

Kemajuan ini juga boleh dijadikan satu aktiviti bagi rakyat Malaysia mendalami kemahiran yang sekarang amat diperlukan di seluruh dunia, tambah beliau.